



BADMINTON BERPASUKAN



PERATURAN DAN SYARAT PERTANDINGAN

BADMINTON BERPASUKAN

1.0. NAMA

Pertandingan ini dinamakan

“KEJOHANAN BADMINTON BERPASUKAN SUKAN MARA SEMALAYSIA 2026”

2.0. TEMPAT DAN TARIKH PERTANDINGAN

Tarikh : 30 Ogos 2026 – 1 September 2026

Tempat : **Dewan Besar TVETMARA Beseri**

3.0. PENGANJURAN

- 3.1. Jawatankuasa penganjur akan mengatur serta menganjurkan pertandingan ini. Sebarang keputusan yang dibuat terhadap segala perkara yang berbangkit dengan kejohanan ini adalah muktamad.
- 3.2. Jawatankuasa berhak meminda atau membuat apa-apa penyesuaian permainan dalam kejohanan ini menurut cara yang difikirkan sesuai.
- 3.3. Jawatankuasa berhak menolak mana-mana pasukan atau pemain yang tidak mematuhi peraturan dan syarat tanpa sebarang sebab.

4.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 4.1. Undang-undang dan peraturan acara sukan ini akan merujuk kepada Peraturan dan Undang-Undang BWF, Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan Undang-Undang dan Peraturan Am KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026.
- 4.2. Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada peraturan-peraturan yang dinyatakan di para 4.1. Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Penganjur adalah muktamad.

5.0. PENYERTAAN

Kelayakan penyertaan hendaklah mematuhi perkara 4.0 dalam Peraturan Am Sukan MARA SeMalaysia ke-10, Pahang 2024.

6.0. PENDAFTARAN

- 6.1. Setiap pasukan hanya dibenarkan mendaftar dua belas (12) orang pemain termasuk pemain simpanan dan dua (2) orang pegawai iringan/pengurus.
- 6.2. Penyertaan pemain melibatkan lapan (8) pemain lelaki dan empat (4) pemain wanita.
- 6.3. Setiap pasukan perlu mendaftarkan sekurang-kurangnya dua (2) orang pemain lelaki veteran yang diwajibkan bermain dalam setiap perlawanan.

7.0. TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 7.1. Taklimat kepada pengurus-pengurus pasukan akan diadakan pada **29 OGOS 2026 jam 8.30 malam di MRSM Arau, Perlis.**
- 7.2. Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai akhir pemain yang telah didaftarkan berserta dengan dokumen-dokumen yang disahkan dan mestilah ditandatangani oleh Ketua Kontijen atau Pengurus Pasukan setiap negeri. Senarai nama pemain yang didaftar dan diserahkan semasa Taklimat pengurus Pasukan adalah muktamad.

8.0. ACARA PERTANDINGAN

- 8.1. Pertandingan akan dijalankan dalam lima (5) kategori berpasukan seperti susunan perlawanan berikut:
 - 8.1.1. Perseorangan Lelaki
 - 8.1.2. Beregu Lelaki
 - 8.1.3. Beregu Wanita
 - 8.1.4. Beregu Lelaki Veteran
 - 8.1.5. Beregu Campuran
- 8.2. Seorang pemain hanya dibenarkan bermain satu (1) kategori sahaja dalam satu-satu perlawanan.

9.0. SISTEM DAN FORMAT PERTANDINGAN

- 9.1. Untuk peringkat kumpulan, setiap kategori perlu dilangsungkan bagi kiraan mata untuk penentuan ke peringkat seterusnya. Setiap perlawanan akan menggunakan format kiraan mata 31. (15 mata bagi set pertama dan 16 mata bagi set kedua) bagi peringkat kumpulan dan Suku Akhir.

- 9.2. Di pusingan Separuh Akhir dan Akhir pertandingan akan dijalankan secara kalah-mati. Setiap perlawanan akan menggunakan format mata 21 melalui format 'Best of 3 Set'.
- 9.3. Pemenang perlawanan akan ditentukan melalui format 'Best of 5 Games'.

10.0. SISTEM PEMBERIAN MATA / MENENTUKAN KEMENANGAN

- 10.1. Pertandingan dalam kumpulan dijalankan secara liga, sistem pemberian mata adalah seperti berikut:
 - 10.1.1. Menang - 3 mata
 - 10.1.2. Kalah - 0 mata
- 10.2. Pasukan yang mendapat mata paling banyak dikira sebagai juara kumpulan dan kedua terbanyak sebagai naib juara kumpulan.
- 10.3. Sekiranya pada akhir keputusan dalam sesuatu kumpulan diperolehi sama mata lebih dari satu (1) pasukan, maka keputusan akan ditentukan seperti berikut:
 - 10.3.1. Jika mata diperolehi sama melibatkan lebih dari dua (2) pasukan, pemenang akan ditentukan dengan kiraan perbezaan (difference) dari jumlah perlawanan (matches) set dan angka-angka mata yang telah diperolehi oleh pasukan-pasukan berkenaan.
 - 10.3.2. Jika terdapat dua (2) pasukan yang terlibat, pasukan yang mengalahkan lawannya diperingkat kumpulan akan dikira sebagai pemenang.
 - 10.3.3. Jika keputusan dipara 10.3.1. dan pada 10.3.2. juga didapati masih sama, maka pemenang akan diputuskan secara undian.

11.0. PERALATAN

Jawatankuasa Penganjur hanya menyediakan tiga (3) biji bulu tangkis sahaja (**RCL 77 GOLD HIJAU**) bagi setiap perlawanan dan tidak bertanggungjawab menyediakan bulu tangkis untuk 'Warm-up'.

12.0. TINDAKAN TATA TERTIB

- 12.1. Hukuman berikut adalah merupakan hukuman yang dikenakan secara automatik:-
 - 12.1.1. Seseorang pemain yang disingkirkan atau dikeluarkan daripada gelanggang pertandingan atas sebab-sebab berkelakuan buruk dan biadap, maka pemain tersebut akan digantung satu (1) perlawanan berikutnya.

13.0. MENARIK DIRI, MEMBERI KEMENANGAN PERCUMA DAN GAGAL HADIR

- 13.1. Perkara (16.0) dalam Peraturan Am Sukan MARA SeMalaysia Ke-11, Perlis 2026 digunapakai.
- 13.2. Pasukan yang mendapat kemenangan percuma akan diberi mata dengan keputusan pertandingan 5-0.

14.0. HAL-HAL YANG TIDAK DIPERUNTUKKAN

Segala hal yang tidak diperuntukkan dibawah peraturan ini dan segala tafsiran peraturan ini hendaklah diselenggarakan oleh *Jawatankuasa Penganjur* **KEJOHANAN SUKAN MARA SEMALAYSIA KE-11, PERLIS 2026**. Segala keputusan adalah muktamad.



BORANG PENDAFTARAN PEMAIN BADMINTON BERPASUKAN

KONTIGEN : _____

	NAMA	NO. GAJI	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN			
JURULATIH			

BIL	NAMA PEMAIN	NO. GAJI
1.		
2.		
3.		
4.		
5.		
6.		
7.		
8.		
9.		
10.	(V)	
11.	(V)	
12.	(V)	

Ketua Kontinjen

Pengurus Pasukan

.....
Nama :

.....
Nama :

.....
Tarikh



BORANG PENDAFTARAN PERLAWANAN
BADMINTON BERPASUKAN

KONTIGEN : _____

KONTIGEN LAWAN : _____

	NAMA	NO. H.P.
PENGURUS PASUKAN		
JURULATIH		

BIL	NAMA PEMAIN	NO. GAJI
PERSEORANGAN LELAKI		
1.		
BEREGU LELAKI		
1.		
2.		
BEREGU WANITA		
1.		
2.		
BEREGU LELAKI VETERAN		
1.		
2.		
BEREGU CAMPURAN		
1.		
2.		

BIL.	NAMA PEMAIN SIMPANAN	NO. GAJI
1.		
2.		
3.		

.....

Pengurus Pasukan

.....

Tarikh